

## KRITERIA UTAMA DALAM PEMBANGUNAN LAMAN WEB BERKAITAN HADITH: SATU ANALISIS DAN CADANGAN

THE MAIN CRITERIA IN HADITH WEBSITE DEVELOPMENT:  
ANALYSIS AND RECOMMENDATIONS

### **Khadher Ahmad**

Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.  
E-mail: khadher82@um.edu.my

### **Ishak Hj. Suliaman**

Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.  
E-mail: ishakhs@um.edu.my

### **Faisal Ahmad Shah**

Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.  
E-mail: faisalas@um.edu.my

### **Ibrahim Adham Mohd Rokhibi**

Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.  
E-mail: ibrahimadhamkibi@gmail.com

### **ABSTRAK**

Dewasa kini, rujukan terhadap sumber daripada internet melalui laman sesawang, aplikasi dan blog-blog persendirian telah menjadi trend dalam kalangan masyarakat. Realitinya, sebahagian daripada sumber internet itu tidak mempunyai sebarang autoriti, bahkan tiada pula kawalan yang sewajarnya sehingga apa sahaja boleh dirujuk dan diikuti tanpa batasan dan sempadan. Apabila melihat kepada bidang hadith, tidak dinafikan bahawa laman sesawang berteraskan hadith juga lahir sebagai sumber kepada rujukan hadith. Namun, dari sudut nilai dan autoriti laman tersebut sebahagiannya tidak boleh dijadikan rujukan kerana tidak menepati kriteria sebagai suatu sumber dalam bidang hadith. Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan kriteria yang perlu ada bagi sesebuah laman sesawang dalam bidang hadith khususnya. Melalui metode analisis

induktif, hasil kajian mendapat terdapat sepuluh kriteria penting yang perlu ada dalam pembangunan website hadith iaitu [1] Kandungan teks hadith yang berbaris lengkap; [2] Terjemahan hadith yang telah disemak; [3] Maklumat sumber dan *takhrij hadith*; [4] Kefahaman hadith secara ringkas; [5] Organisasi atau panel yang bertanggungjawab dan mempunyai kelayakan; [6] Pengantaramukaan (*interface*) yang mesra pengguna; [7] Lampiran Bentuk *Shajarah Al-Asānid* (Pemetaan Sanad Hadith); [8] Meletakkan tema kumpulan hadith; [9] Pembahagian hadith berdasarkan judul itab (bagi karya Jawi); [10] Penyediaan hadith-hadith alternatif bagi hadith yang palsu. Kesimpulan, pentingnya kriteria dalam pembangunan website hadith ini tidak lain melainkan bagi tujuan untuk menjaga dan memelihara autoriti hadith itu sebagai sumber rujukan serta dapat dijadikan sumber rujukan terus kepada masyarakat pada hari ini.

**Kata kunci:** Pembangunan Laman Sesawang, Website Hadith, Kriteria, Hadith

## ABSTRACT:

Nowadays, referring to the sources from the internet through websites, apps and private blogs has become a trend among the public. In fact, some of these internet resources do not have any authority and proper control so that it is possible anything can be referred and followed without restrictions and boundaries. Looking at the field of hadith, it is undeniable that websites became a source for the hadith reference. However, the authority and quality of some sites are dissatisfied because they do not meet the minimum criteria as a source of hadith. This article aims to explain the criteria required for using websites as sources of hadith. Through the inductive and deductive analysis methods, this study found ten important criteria for development of hadith websites; [1] Providing full text of hadith; [2] Using scholarly translation; [3] Providing information of the source and *takhrij al-hadith* (retrieval of hadith); [4] Supplying a brief meaning of the hadiths; [5] A group of qualified committee members or organizations; [6] Furnishing with friendly interface; [7] Attaching *shajarah al-asānid* (chain of transmissions ‘tree’); [8] Implementing the themes of the hadith; [9] Categorization of hadiths based on the title of the book; [10] Providing different hadiths as an alternative of fabricated or weak hadiths. This research concludes that these criteria are importance for the development of hadith websites in order to maintain and preserve the authority of the hadith as a referential source of community today.

**Keywords:** Website Development, Hadith Website, Criteria, Source.

## 1. PENDAHULUAN

Pada era *Industrial Revolution 4.0* (IR 4.0) perkembangan teknologi memainkan peranan penting khususnya melalui sistem komunikasi dalam masyarakat di Malaysia. Menurut Peter Cochrane, bahawa untuk mengkaji dan menghurai berkenaan perkembangan internet adalah umpama menembak sebutir peluru yang sedang bergerak pantas menggunakan anak panah.<sup>1</sup> Namun, bagaimana pengaruh perkembangan teknologi ini mempengaruhi pembangunan web-web hadith di Malaysia? Meskipun teknologi semakin canggih dalam dunia pembelajaran dan pengajian, serta lainnya tetapi dari segi pengajian hadith berbentuk atau berasaskan teknologi, secara umumnya di Malaysia masih lagi berada pada tahap yang tidak memuaskan. Bahkan, apabila dikemukakan pertanyaan tentang laman sesawang yang boleh menjadi rujukan hadith dari sudut sumber hadith, maklumat hadith, terjemahan dan teks hadith yang khususnya dalam edisi hadith yang disertakan terjemahan bahasa Malaysia pasti jawapannya adalah tidak ada mana-mana laman sesawang yang boleh bertindak sebagai *masadir* (sumber) dalam bidang hadith.

Oleh yang demikian, usaha pembangunan web hadith di Malaysia perlu lebih giat dijalankan bagi memudahkan masyarakat mengenal pasti sumber hadith, kualiti hadith dan seumpamanya. Tetapi, pembangunan sesebuah web hadith mestilah menepati *standard prosedur pembangunan web* bagi melancarkan proses aktiviti sesebuah web hadith. Pembangunan laman web hadith memerlukan kepada pakar dari pelbagai aspek bagi menjadikan sesebuah web hadith itu efektif dan mudah dikendalikan. Antara aspek yang perlu diberikan penekanan dalam pembangunan sesebuah web atau laman sesawang adalah penerbit yang merujuk kepada individu atau institusi yang bertanggungjawab terhadap web tersebut, pakar bidang (*content expert*) yang merujuk kepada individu atau badan yang mengesahkan kebenaran dan autoriti kandungan laman sesawang itu, penulis skrip yang merujuk kepada individu atau sekumpulan individu yang menyediakan kandungan, pereka bentuk instruksi (*Instructional Designer*) merujuk kepada individu atau sekumpulan individu yang membangunkan laman sesawang tersebut, pereka grafik atau anamasi yang merujuk kepada individu atau sekumpulan individu yang menyediakan dan memastikan paparan dalam laman web tersebut, dan pengaturcara yang merujuk kepada individu atau sekumpulan individu yang bertindak sebagai orang yang memuat naik dan mengawal laman sesawang tersebut.

Justeru, dalam membangunkan sesebuah laman web, maka bukan hanya dipelopori oleh pakar dalam bidang sahaja, tetapi melibatkan ramai pihak dan individu dengan kemahiran yang berbeza dan berkaitan bagi memastikan sesebuah laman web itu dapat beroperasi dengan baik dan dapat menyampaikan apa yang dikehendaki kepada semua pelayarnya. Oleh yang demikian, objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk

---

<sup>1</sup> Zulkipli, S. N., & Suliaman, I. H. (2015). *Autoriti hadis di Internet*. cet. ke-2, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 33.

merangka dan mencadangkan beberapa kriteria yang sewajarnya perlu ada dan diambil dikira ketika dalam proses pembangunan laman web dalam bidang hadith secara khusus.

## 2. SKOP DAN METODOLOGI

Artikel ini bertujuan untuk meneliti *website* hadith yang sedia ada di Malaysia dan mencadangkan kriteria penting yang perlu ada bagi penyediaan sesebuah laman sesawang berkaitan dengan hadith. Penelitian dibahagikan kepada dua fasa iaitu fasa analisis terhadap *website* hadith yang sedia ada di Malaysia bagi memberi tumpuan kepada proses analisis kriteria yang telah terdapat dalam beberapa *website* hadith sedia ada sama ada berbentuk perisian komputer, perisian mudah alih dan laman web (*website*). Fokus analisis melibatkan beberapa aspek iaitu antaranya analisis penulisan baris yang diletakkan pada perkataan hadith yang dimuat naik, analisis reka bentuk *interface*, analisis terjemahan teks hadith, analisis perletakan tema hadith, penyediaan hadith-hadith alternatif bagi hadith yang palsu dan analisis maklumat sumber takhrij hadith. Sumber data diperolehi melalui kajian-kajian digital hadith yang telah dilakukan dan merujuk secara langsung kepada *website* hadith berkenaan.

Manakala fasa kedua, adalah menyediakan cadangan kriteria utama dan penting dalam pembangunan dan penyediaan sesebuah website hadith. Cadangan ini adalah setelah mengambil kira beberapa aspek yang diberikan penekanan oleh para ulama hadith dalam *'Ulum al-Hadith*. Keseluruhan data dianalisa berasaskan kepada metode analisis induktif dan deduktif di mana penelitian dan pemerhatian dilakukan bagi mengenal pasti kriteria yang terdapat dalam *website* hadith semasa untuk dilakukan penambahbaikan. Metode yang digunakan ini bertujuan untuk memastikan objektif kajian tercapai.

## 3. HASIL KAJIAN

### Realiti *Website Hadith* di Malaysia

Dewasa ini, kekerapan penggunaan internet dalam kalangan masyarakat semakin pesat. Oleh itu, pembangunan *website* hadith adalah sesuatu yang amat relevan. Namun, laman web hadith yang telah dibangunkan ini tidak mencapai tahap laman web hadith yang ideal dan mesra pengguna. Jika diteliti terdapat sesetengah laman web hadith di Malaysia tidak disertakan teks Arab yang asal hanya meletakkan terjemahan hadith sahaja.<sup>2</sup> Selain itu, ada juga yang tidak berkembang dan hanya terhad kepada satu tema perbincangan sahaja. Maka, hal ini menyebabkan laman web tersebut tidak popular dalam kalangan pengkaji hadith mahupun masyarakat.

Permasalahan lain yang dihadapi oleh laman web hadith di Malaysia juga adalah daripada aspek carian hadith yang sukar dan tidak mesra pengguna. Dalam proses carian

<sup>2</sup> Universiti Teknologi MARA (UiTM), "Mutiara Hadis", laman sesawang *Mutiara Hadis*, dicapai 24 Mei 2019, <http://sigir.uitm.edu.my/webhadis/>.

hadith itu, walaupun dengan memasukkan kata kunci (*keyword*) pada laman web tersebut, masih lagi gagal untuk mencari dan mendapatkan teks hadith dan sumberkan. Perkara ini juga disebabkan sesetengah laman web hadith hanya fokus kepada memperkenalkan hadith-hadith palsu yang berlegar dalam kalangan masyarakat.<sup>3</sup> Keadaan ini menyebabkan laman tersebut tidak dijumpai dan tidak pula dilayari. Demikian juga, sebahagian laman web adalah yang carian hadithnya hanya terbatas pada perkataan bahasa Melayu (iaitu terjemahan hadith sahaja) yang juga menyebabkan kesukaran dalam menemui hadith yang dicari. Keadaan ini bertambah sukar lagi apabila terjemahan hadith yang sedia ada di Malaysia tidak mempunyai satu bentuk terjemahan yang selaras dan sistematik.<sup>4</sup> Ketiadaan terjemahan tersebut mungkin disebabkan oleh ketiadaan badan atau organisasi yang mengawal dan mengambil tanggungjawab dalam menjadikannya sebagai sesuatu yang selaras dan dipantau dengan baik.

Tidak dinafikan bahawa, laman web hadith memudahkan para penggunanya untuk mengakses kepada sesuatu hadith Nabi SAW, namun terkadang laman web tersebut tidak menyatakan sumber rujukan yang digunakan secara terperinci bagi setiap hadith yang dipaparkan. Proses yang ketat perlu dilaksanakan bagi memastikan hadith-hadith itu tidak berlaku *musah̄af* dan *mūharraf*.<sup>5</sup> Oleh itu, mahu tidak mahu ketika pembangunan *website* dijalankan ketua unit penyeliaan mesti menetapkan pemilihan cetakan yang terbaik bagi sesebuah kitab hadith yang dijadikan sebagai *database* hadith.

### Perkembangan Web Hadith di Malaysia

*Website* hadith di Malaysia belum mendapat perhatian begitu meluas berbanding negara jiran Indonesia. *Website* hadith di Malaysia kebanyakannya hanya berbentuk blog. Namun, sejak kebelakangan ini pelbagai jenis laman web hadith telah mula dibangunkan. Antaranya, Semak Hadis, Mutiara Hadis, E-Hadith, Mastika Hadith, Digital Hadith, Irsyad al-Qari, Fikrah.net, al-Nidaa', dan Projek My Masjid dan Ansarul Hadis. Kewujudan internet sebagai wadah komunikasi era perkembangan teknologi terkini telah

<sup>3</sup> Muhammad al-Fatih, "Carian Hadis", laman sesawang *SemakHadis.com*, dicapai 24 Mei 2019, <https://semakhadis.com/browse/>.

<sup>4</sup> Projek MyMasjid, "al-Hadith", laman sesawang *Projek MyMasjid*, dicapai 24 Mei 2019, <http://www.mymasjid.net.my/#>.

<sup>5</sup> *Musah̄af* dari sudut bahasa adalah kata nama yang merujuk kepada istilah (التحصيف) iaitu kesalahan pada lembaran bagi sesetengah kalimah yang mempunyai kesilapan yang berpuncu daripada kesalahan ketika pembacaan dan penulisan hadith. Dari sudut istilah, ia merujuk kepada perubahan pada kalimah hadith yang diriwayatkan oleh perawi *thiqah* sama ada pada lafaz atau makna. Apabila disebutkan *Hadith al-Musah̄af* ia merujuk kepada hadith yang berlaku perubahan pada beberapa kalimah. Ibn Hajar memberikan pengertian yang lebih khusus di mana *al-Musah̄af* adalah suatu perkataan yang bertukar titik tetapi kekal tulisannya. Manakala al-Askari dalam kitabnya *al-Tashif wa al-Tahrif* telah membezakan kedua-dua istilah tersebut (*musah̄af* dan *mūharraf*) dengan berpandangan bahawa *al-Tashif* merujuk kepada kesalahan yang berlaku pada huruf dan *al-Tahrif* berlaku pada baris. Ibn Kathir, Abū I-Fidā' Ismā'īl ibn 'Umar ibn Kathīr (2003), *al-Ba,ith al-Hathith Syarah Ikhtisar 'Ulum al-Hadith* ed. Ahmad Muhammad Syakir, cet.2, Kaherah: Maktabah Dar al-Turath, 188 dan Astiri Jamal (1997), *al-Tashif wa Atharuhi fi al-Hadith wa al-Fiqh wa Juhud al-Muhaddithin fi Mukafahatih*, c.1, t.tp: Dar al-Tayyibah, 76.

menghasilkan alat penyebaran maklumat yang lebih pantas, efektif dan stabil. Sehubungan itu, kemajuan ICT telah membuka ruang kepada perkembangan ilmu di alam siber yang melangkaui sempadan geografi.<sup>6</sup>

Pada tahun 2003, Prof. Dr. Zainab Abu Bakar dari *Information Retrieval Special Interest Group* telah membangunkan laman web hadith bersama rakan penyelidiknya. Laman web hadith tersebut diberi nama Mutiara Hadis. Idea penghasilan website ini tercetus ketika beliau membuat kajian di peringkat sarjana kedoktoran pada tahun 1999. Kajian yang perlu beliau lakukan adalah membina satu enjin carian bagi mencari sesuatu maklumat. Maka, beliau perlu mencari subjek isu bagi menjalankan kajian tersebut. Bertitik tolak daripada itu beliau dan sekumpulan penyelidik UiTM mula membangunkan projek enjin carian hadith atau dikenali dengan Mutiara Hadis.<sup>7</sup> (Mohd Shah Che Ahmad, 2019). Laman web ini menyediakan lebih 18000 hadith-hadith daripada kitab hadith muktabar yang enam. Setelah hampir 3 tahun baru laman web ini mula beroperasi sepenuhnya.



Gambar 1.1 Laman web Mutiara Hadis<sup>8</sup>


Seterusnya, dua tahun kemudian muncul pula laman web Ansarul Hadis pada tahun 2009 yang dibina oleh Dr. Fathi al-Sakandary. Ansarul Hadis menggunakan aplikasi web berbentuk blog atau log web. Blog merupakan satu laman web yang membolehkan pengelolanya membuat catatan secara berterusan tanpa memerlukan kepada pengetahuan HTML, CSS, JavaScript dan lain-lain. Laman web seperti ini dapat dikemas kini dengan mudah tanpa memerlukan sambungan *File Transfer Protocol* (FTP), perisian pengarangan

<sup>6</sup> Zulkipli, S. N., & Suliaman, I. H. (2015). *Autoriti hadis di Internet*, 33.

<sup>7</sup> Mohd Shah Che Ahmad, "Hadis saih semudah ABC", laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 24 Mei 2019, <http://www.utusan.com.my/mega/agama/hadis-sahih-semudah-abc-1.217533>.

<sup>8</sup> Sumber: Laman sesawang Mutiara Hadis, diakses pada 28 Mei 2019, <https://sigir.uitm.edu.my/webhadis/>

web dan sebagainya.<sup>9</sup> Laman web Ansarul Hadis menggunakan cara berikut untuk memudahkan mereka melakukan perkongsian berkenaan hadith dengan mudah. Namun, Ansarul Hadis hanya terbatas kepada hadith-hadith terpilih sahaja. Tidak mempunyai tema perbincangan yang sistematik dan menyeluruh. Ansarul Hadis hanya mengemukakan takhrij dan sumber hadith sahaja tanpa meletakkan kefahaman hadith pada semua hadith yang dibincangkan dan tidak dinyatakan teks asal hadith.



Gambar 1.1 Laman web Ansarul Hadis<sup>10</sup>

Pada tahun 2014 pula, laman web DigitalHadith dibangunkan oleh sekumpulan penyelidik daripada Universiti Malaya yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Ishak Sulaiman. Laman web ini merupakan hasil daripada projek “Preserving the Authenticity of the Digital Quran & Hadith” yang dibiayai sepenuhnya oleh UMRG (University Malaya Research Grant): RP003B-14HNE.

Laman web ini memuatkan hadith-hadith yang bertemakan kitab *al-'Ilm* daripada *Al-Kutub Al-Sittah*. Tujuan pembangunan web ini adalah untuk memaparkan hadith-hadith berautentik berlandaskan tema tertentu dari aspek teks hadith, kredibiliti perawi dan keterangan ringkas kefahaman hadith. Namun, laman web ini sudah luput dari *google.com*, tetapi aplikasi mudah alih dalam *google playstore* masih lagi aktif.

Kemudian, terdapat juga laman web hadith yang hanya memaparkan hadith-hadith yang kebiasaannya menjadi pegangan masyarakat Malaysia sedangkan hadith tersebut ada yang *da'if* yang berat dan palsu. Laman web tersebut telah dibina oleh Muhammad al-

<sup>9</sup> Mohamed Amin Embi, (2011), *Aplikasi Web 2.0 Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*, Bangi: Pusat Pembangunan Akademik, UKM, 1.

<sup>10</sup> Sumber: Laman sesawang Ansarul Hadis, diakses pada 28 Mei 2019, <http://ansarul-hadis.blogspot.com/search/label/Takhrij?max-results=10>.

Fatih dan dinamakan sebagai Semak Hadis.Com. Laman web sebegini amat bermanfaat buat masyarakat yang tidak berkemampuan dalam bahasa Arab khususnya. Kewujudan laman web ini tidak dinyatakan pada keterangan laman web tersebut. Namun, pengkaji mengenal pasti tahun pertama kali paparan hadith dibuat pada aplikasi twitter SemakHadis.Com iaitu tahun 2015 bulan disember.<sup>11</sup> SemakHadis.Com mula mendapat perhatian masyarakat pada tahun 2016.



Gambar 1.2 Laman web SemakHadis.Com<sup>12</sup>

Selepas itu, pada tahun yang sama juga telah dibangunkan satu *website* hadith oleh badan berautoriti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). *Website* hadith dinamakan sebagai E-Hadith JAKIM yang dibawah seliaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri. Kedua jabatan ini merupakan agensi pusat dalam perancangan pengurusan hal ehwal Islam dan pembangunan ummah di Malaysia. E-Hadith merupakan laman web yang berada di bawah koleksi hadith e-JAKIM.<sup>13</sup> Terdapat banyak lagi laman web hadith yang turut dibangunkan pada masa kini di Malaysia bagi memberi manfaat dengan lebih luas kepada masyarakat awam seperti Irsyad al-Hadith wa Ulumihi<sup>14</sup>, INHAD<sup>15</sup>, MyMasjid<sup>16</sup> dan lain-lain. Teknologi yang baik perlu sering diuji kaji dan

<sup>11</sup> Muhammad al-Fatih, "Home Twitter SemakHadis.Com", laman sesawang *Twitter SemakHadis.Com*, dicapai 28 Mei 2019, <https://twitter.com/semakhadis>.

<sup>12</sup> Sumber: Laman sesawang SemakHadis.Com, diakses pada 28 Mei 2019, <https://semakhadis.com/>.

<sup>13</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, "E-Hadith JAKIM", laman sesawang *Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, dicapai 28 Mei 2019, <http://www.islam.gov.my/e-hadith>.

<sup>14</sup> Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, "Irsyad al-Hadith", laman sesawang *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*, dicapai pada 28 Mei 2019, <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith>.


<sup>15</sup> Institut Kajian Hadis (INHAD), "Hadis Puasa", laman sesawang *Institut Kajian Hadis (INHAD)*, dicapai 28 Mei 2019, <http://inhad.kuis.edu.my/category/hadis-puasa/>.

<sup>16</sup> Projek MyMasjid, "al-Hadith", laman sesawang *Projek MyMasjid*, dicapai 28 Mei 2019, <http://www.mymasjid.net.my/#>.

dilakukan penambahbaikan dari masa ke semasa agar sesuatu teknologi tersebut tidak kaku ditelan zaman serta sentiasa dapat memberi faedah dan sumbangan kepada dunia keilmuan Islam.

### Cadangan Kriteria Utama Dalam Pembangunan Website Hadith

Hasil dapatan kajian mendapati *website* hadith yang terdapat di Malaysia hari ini, memerlukan kepada penambahbaikan dari beberapa aspek. Maka, berdasarkan tinjauan yang telah dilakukan, terdapat sepuluh kriteria utama yang perlu dijadikan sebagai panduan asas dalam pembangunan sesuatu *website* hadith iaitu:



Rajah 1.0: Cadangan Kriteria Utama Dalam Pembangunan *Website* Hadith<sup>17</sup>

Berdasarkan kepada penelitian dan analisis yang telah dijalankan, terdapat lima (5) kriteria utama yang sangat penting dalam pembangunan laman sesawang (*website*) hadith iaitu:

#### [1] Kandungan Teks Hadith Yang Berbaris Lengkap

*Website* hadith sedia ada kebanyakannya tidak menyediakan teks hadith berbahasa Arab dengan baris yang lengkap, bahkan terkadang langsung tidak diletakkan teks Arab hadith tersebut. Sepatutnya, teks Arab turut disertakan bagi memudahkan sesuatu carian

<sup>17</sup> Sumber: Hasil Analisis Pengkaji.

hadith dengan menggunakan *keyword* mengenai hadith tersebut. Bahkan, telah diketahui bahawa *website* yang hasilkan ini bertujuan untuk memaparkan hadith sama ada mewakili sebuah laman yang lengkap berkenaan hadith atau hanya sebahagian sahaja berkaitan dengan paparan hadith. Oleh yang demikian, pada pandangan pengkaji, tidak cukup hanya membawa terjemahan hadith sahaja atau turut memaparkan teks hadith berbahasa Arab, tetapi tidak diberikan dengan lengkap. Hal ini kerana, dalam ruangan internet sesiapa sahaja boleh merujuk tanpa sebarang batasan, yang mana ada kemungkinan sebahagian daripada orang yang merujuk kepada *website* tersebut bukan dari kalangan mereka yang memahami Bahasa Arab, atau tidak semua boleh membaca tulisan Arab kecuali diberikan bagi mengelak berlaku pelbagai kemungkinan.

Dari itu, teks hadith yang berbaris lengkap ini penting bagi memudahkan pengguna daripada pelbagai lapisan masyarakat untuk membaca dan merujuk kepada hadith. Contohnya, hadith tentang nafas orang yang berpuasa;

لَخُوفٌ فِي الصَّائِمِ أَطْبَبَ عَنْهُ اللَّهُ مِنْ رِيحِ الْمُسْكِ

Terjemahan: *Bau mulut orang yang berpuasa lebih wangi di sisi Allah daripada bau minyak Kasturi.*<sup>18</sup>

Kebiasaannya, dijumpai ada yang membaca kalimah (لَخُوفٌ) ini dengan baris *fat'hah* (atas) sedangkan baris yang tepat adalah *Dommah*. Jadi perubahan baris di dalam bahasa Arab ini akan membawa maksud yang berlainan.

Justeru, dengan kandungan teks hadith yang diberikan lengkap ini sangat penting dalam memaparkan kepada orang ramai, dengan matlamat utamanya adalah untuk mengelak daripada kesalahan dalam baris yang boleh membawa maksud yang berbeza atau hukum yang berbeza. Bahkan secara langsung juga dapat membantu golongan yang tidak memahami struktur Bahasa Arab, atau langsung tidak memahami dan membaca teks Arab kecuali yang diberikan seperti teks al-Quran.

## [2] Terjemahan Hadith Yang Telah Disemak

Memandangkan bahawa website yang akan dihasilkan sasarannya adalah kepada masyarakat setempat khususnya di Malaysia, tidak semua masyarakat Islam dapat memahami Bahasa Arab dengan baik, ataupun sebahagian yang lain tidak langsung mengetahui tentang Bahasa Arab. Dari itu, setiap teks hadith Bahasa Arab yang telah diletakkan dalam *website* atau dimasukkan dalam laman sesawang tersebut perlu dinyatakan terjemahannya yang lengkap sesuai dengan kandungan dalam teks asal Bahasa Arab.

---

<sup>18</sup> Muhammad bin 'Isā bin Sawrah al-Tirmidhi, (1975), *Sunan al-Tirmidhī*, ed. Ahmad Shākir (Mişr: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī), no.hadith 764, 3:127.

Walaupun demikian, hendaklah dipastikan bahawa terjemahan yang dinyatakan bersama teks hadith berbahasa Arab tersebut telah disemak dengan teliti oleh seorang pakar atau sekumpulan individu yang mempunyai kemahiran Bahasa dan memahami hadith dengan baik. Dalam penelitian yang dilakukan, dapat dihimpunkan bahawa kebanyakan terjemahan hadith di dalam *website* hadith adalah berdasarkan terjemahan literal teks tanpa merujuk kepada kitab *Shurūh al-Hadīth* (kitab-kitab huraian hadith). Apabila perkara sedemikian dilakukan maka terjemahan yang ada dalam *website* hadith tersebut mempunyai autoriti sebagai rujukan dan merupakan terjemahan yang tepat sesuai dengan maksud yang dikehendaki sama ada dari sudut teksual atau konteksualnya. Ini kerana terjemahan hadith mesti diseimbangkan dengan syarahan daripada *al-Shārih*<sup>19</sup> kitab hadith berkenaan. Bahkan, ulama yang menghuraikan kitab hadith lebih memahami maksud hadith-hadith Nabi SAW berbanding orang yang melakukan terjemahan hanya semata-mata bergantung pada literal teks.

Dengan itu, apabila terjemahan tersebut tepat dan memenuhi pemahaman terhadap hadith, akan membantu dalam memberikan kefahaman yang tepat kepada pembaca khususnya masyarakat awam pada masa yang sama bagi mengelak daripada salah faham terhadap maksud sebenar teks tersebut.

### [3] Maklumat Sumber Dan Takhrij Hadith

Apabila pembangunan *website* dibangunkan, pada teks hadith Bahasa Arab dan terjemahannya, amat perlu bahkan aspek yang wajib ada adalah berkenaan dengan sumber dan takhrij bagi hadith. Maklumat berkenaan dengan sumber dan takhrij ini amat penting bagi sesiapa yang terlibat secara khusus dalam pengajian hadith. Bahkan, diketahui umum bahawa hadith yang merupakan sumber perundangan Islam dan sumber dalam ibadah yang perlu dipastikan kesahihannya sebelum dapat dijalankan sebagai dalil dan hujjah. Dengan menyatakan sumber hadith dan melakukan proses takhrij terhadap hadith-hadith yang mahu dipaparkan dalam laman sesawang hadith, maka ia adalah sangat bagi. Maklumat sumber dan takhrij tersebut akan dapat menjadi panduan kepada ramai pihak.<sup>20</sup>

Bahkan, bagi pengkaji hadith, penceramah yang ingin menyampaikan ilmu dan juga pendengar kerana mereka dengan secara mudahnya akan dapat merujuk hadith-hadith yang ingin disampaikan mahupun orang yang menerima penyampaian tersebut berserta mengetahui dengan jelas status hadith-hadith tersebut. Maka, tidak akan timbul tersebarnya hadith palsu dalam kalangan masyarakat melalui pentas-pentas dakwah yang disebarluaskan dalam media massa dan media sosial pada hari ini.

<sup>19</sup> Ulama yang mensyarahkan kitab hadith.

<sup>20</sup> Dalam memahami berkaitan dengan Takhrij Hadith dan manualnya, boleh dirujuk kepada tulisan berikut: Faisal Ahmad Shah, (2010), *Takhrij Hadith: Teknik Pencarian Hadith Yang Tepat dan Berkesan*, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM dan Fadlan Mohd Othman, (2018), *Praktikal Takhrij Hadis Via IT*, Bandar Baru Bangi, Selangor: Bayyinah Enterprise.

Pada pandangan pengkaji, dalam menyatakan sumber hadith, sekurang-kurang bagi setiap hadith yang dipaparkan perlu dimasukkan maklumat utama iaitu:

- i. Sumber hadith seperti Sahih al-Bukhari, Musnad Imam Ahmad, Sunan Abu Dawud dan sebagainya daripada kitab-kitab matan (*Kutub al-Mutun*)
- ii. Maklumat Kitab (topik utama bagi hadith) seperti Kitab al-Salah, Kitab al-Zakah, Kitab al-Jihad dan sebagainya.
- iii. Maklumat Bab iaitu merujuk kepada nama sub topik seperti Bab al-Sihr, Bab Fadl al-'Ilm, Bab al-Fahm fi al-'Ilm dan sebagainya.
- iv. Meletakkan nombor hadith yang lengkap, seperti no.hadith 7887.
- v. Menyatakan status hadith apabila sumber hadith bukan daripada sumber Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim. Jika hadith tersebut sahih, memadai dengan hanya menyatakan sahih tanpa perlu disebutkan perincianya melainkan hanya menukilkan pandangan ulama. Namun, jika hadith tersebut da`if, maka perlu untuk menyebutkan dengan jelas dengan menukilkan pandangan ulama yang menyatakan sebab-sebab da`if atau lemah sesuatu hadith itu.

Antara contohnya maklumat hadith atau sumbernya adalah seperti berikut:

Hadith riwayat al-Tirmidhi, Kitab Al-Ahkam an Rasul Allah Salla Allah alaihi wa sallam, Bab Ma Ja'a fi Fadl al-Ghars, no. Hadith 1382. Hadith *Hasan Sahih* menurut al-Tirmidhi. Muhammad 'Isa bin Sawrah bin Musa bin al-Dahhak, *Jami` al-Tirmidhi*, ed. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi, (Mesir: Sharkah Maktabah wa Matba'ah Mustaffa al-Babi al-Halabi, 1975), 3: 658.

Ataupun dengan cara yang lain, tetapi dalam mengandungi rangkaian maklumat hadith yang sama, seperti contoh berikut:

*Sahih Muslim*: [Kitab al-Salam, Bab al-Tibb wa al-Marda wa al-Ruqa, no.hadith 5699] dari hadith 'Aishah RA dan [Kitab al-Salam, Bab al-Tibb wa al-Marda wa al-Ruqa, no.hadith 5700] dari hadith Abi Sa'id RA. Lihat Muslim bin al-Hajjaj Abu Husain al-Qusyairi al-Naisaburi, *Sahih Muslim* dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, (al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', 2000), 1066.

Justeru, tidak timbul soal cara dalam penulisan maklumat hadith. Apa yang diutamakan adalah kepada maklumat hadith yang boleh disampaikan sehingga pembaca atau pelayar dalam mengetahui secara langsung sumber hadith dan statusnya.

#### [4] Kefahaman Hadith Secara Ringkas

Hadith mesti difahami dengan tepat dan benar, supaya tidak termasuk dalam golongan yang diancam oleh Nabi SAW. Daripada 'Abd Allah bin al-Zubair RA, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ فَلَيَتَبَرَّأْ مُقْعَدَةً مِنَ النَّارِ

Terjemahan: *Sesiapa yang berdusta ke atasku maka dia telah menempatkan kedudukan dirinya di neraka.*

Hadith tidak boleh difahami secara semberono dengan mengetahui terjemahannya sahaja kemudian dikeluarkan kefahamannya. Untuk memahami sesuatu hadith ulama telah menetapkan garis panduan yang sistematik dan tepat. Antaranya, buku yang ditulis oleh Dr. Yūsuf al-Qardāwī yang berjudul *Kayfa Nata 'āmal Ma'a al-Sunnah al-Nabawiyah Ma 'ālim wa Dawābiṭ* dan terdapat juga buku garis panduan memahami hadith berbahasa Melayu oleh Prof. Madya Dr. Faisal Ahmad Shah dengan judulnya *Kaedah Tepat Memahami Hadis*. Kedua-dua buku ini membincangkan bagaimana kaedah yang tepat dan benar bagi memahami hadith Nabi SAW. Perlu diingat kefahaman hadith bukan sesuatu yang mudah untuk dicapai melainkan seseorang itu mempunyai penguasaan bahasa Arab yang mantap, memahami faktor geografi sesuatu hadith disampaikan,<sup>21</sup> mengetahui tema perbincangan sesuatu hadith dan sebagainya.<sup>22</sup>

Selain itu, bahagian ini penting kerana perkara ini terkait dengan perkataan Nabi SAW, maka mahu tidak mahu kefahaman secara ringkas pada website hadith perlu diletakkan bagi mengelakkan orang yang tidak mempunyai latar belakang hadith tersalah dalam memahami sesuatu hadith. Berdasarkan penelitian pengkaji, usaha yang boleh diikuti adalah sekurang-kurangnya seperti yang dilakukan dalam laman web E-Hadith, yang dikelolakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).<sup>23</sup> Contohnya dalam topik berkenaan dengan Adab Ketika Berdoa, dipaparkan dahulu berkenaan dengan terjemahan hadith dalam Bahasa Melayu, diikuti teks atau matan hadith dalam Bahasa Arab, kemudian pengajaran hadith (seperti di bawah), diletakkan juga sumber hadith dan diakhiri dengan tarikh kemaskini. Usaha ini adalah sangat baik kerana pembaca atau pelayar akan dapat mengetahui hadith, matannya beserta dengan penjelasan ringkas dalam bentuk pengajaran.

<sup>21</sup> Ali Mustafa Yaqub, (2016), *Cara Benar Memahami Hadis*, terj. Mahfudh Hidayat Lukman, Jakarta: Pustaka Firdaus, 77.

<sup>22</sup> Faisal Ahmad Shah (2017), *Kaedah Tepat Memahami Hadis*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.

<sup>23</sup> Boleh layari: <http://www.islam.gov.my/component/tags/tag/7-e-hadith>, diakses pada 12 Ogos 2019.

### Pengajaran Hadith :

1. Berdoa dari segi bahasanya bererti memanggil, memohon, atau meminta. Ketika berdoa, bererti sedang memanggil, memohon, dan meminta kepada Allah, Zat Yang Maha Agung, lagi Maha Mendengar.
2. Antara adab berdoa yang dianjurkan oleh Nabi SAW adalah dengan memulakan doa dengan pujian terhadap Allah SWT dan berselawat kepada Rasulullah SAW. Selain itu ketika berdoa, seseorang itu hendaklah memilih waktu, yang diistilahkan sebagai waktu mustajab, seperti pada hari Jumaat kerana pada hari tersebut ada satu ketika, apabila bertepatan masanya, Allah SWT akan memperkenankan doa tersebut. Begitu juga dengan berdoa pada waktu malam, iaitu pada dua per tiga daripada malam.
3. Berdoa adalah ibadah. Hendaklah seseorang Muslim memperhatikan adab-adab dan syarat-syarat dalam berdoa yang merupakan sebab ditunaikan doa. Sesiapa memenuhiinya, maka dia akan mendapat segala yang diminta dan sesiapa yang mengabaikannya, dialah orang yang melampaui batas dalam berdoa sehingga tidak ditunaikan doanya.

#### Jadual 1.0: Pengajaran Hadith Dalam E-Hadith, JAKIM<sup>24</sup>


Dalam konteks kefahaman hadith ini, pengkaji mencadangkan jika ada kemampuan untuk menjelaskan dengan perbincangan yang panjang yang dapat memberi kefahaman yang menyeluruh adalah sangat baik. Namun, mungkin dalam menjelaskan kefahaman hadith, dijelaskan beberapa fawa'id atau pengajaran atau isi-isi utama yang boleh dikeluarkan daripada hadith. Lalu disenaraikan satu persatu supaya apabila pembaca meneliti hadith dapat memahami hadith secara tidak langsung.

#### [5] Organisasi atau Panel Yang Bertanggungjawab Dan Mempunyai Kelayakan

---


<sup>24</sup> Sumber: Laman Web JAKIM, E-Hadith, Rujuk: <http://www.islam.gov.my/e-hadith/1561-adab-ketika-berdoa>. Diakses pada 12 Ogos 2019.

Kriteria ini penting bagi memastikan web hadith yang memuatkan hadith-hadith Nabi SAW disahkan dahulu kesahihannya. Maka, dengan keberadaan organisasi atau panel yang bertanggungjawab dalam sesuatu laman sesawang atau web hadith, setiap kemusykilan dapat dirujuk kepada organisasi tersebut. Berikut merupakan contoh carta alir organisasi yang terlibat dalam penyediaan pangkalan data hadith bagi setiap *website* hadith;<sup>25</sup>



Rajah 2.0 Contoh Organisasi atau Panel yang terlibat dalam Penyediaan Pangkalan Data Hadith<sup>26</sup>

Seterusnya, adalah contoh gerak kerja penyediaan pangkalan data hadith Kitab Jawi;



Rajah 3.0 Kerangka Gerak Kerja Penyediaan Pangkalan Data Hadith bagi Kitab Jawi<sup>27</sup>

<sup>25</sup> Zulkipli, S. N., & Sulaiman, I. H. (2015). *Autoriti hadis di Internet*, 69.

<sup>26</sup> Sumber: Hasil Analisis.

<sup>27</sup> Sumber: Hasil Analisis.

Kerangka gerak kerja penyediaan pangkalan data hadith bagi kitab jawi di atas adalah hasil adaptasi daripada contoh gerak kerja penyediaan pangkalan data hadith berautoriti yang dirangka oleh Shahril Nizam Zulkipli dan Prof Madya. Dr. Ishak Suliaman.<sup>28</sup>

Pada pandangan pengkaji, aspek ini sangat penting sebagai sebuah organisasi atau satu kumpulan pakar yang terlibat secara langsung dalam menjaga kualiti teks hadith daripada berlaku kesilapan termasuk dalam aspek terjemahan dan sumber bagi sesuatu hadith. Kalau dirujuk kepada konsep “*mutawatir*” dalam periwatan hadith, ia merujuk kepada konsep jumlah perawi yang ramai atau bilangan yang banyak<sup>29</sup> yang dapat difahami sebagai konsep sebuah organisasi yang juga diwakili oleh ramai pihak. Dengan sebab ramai ini akan dapat menampung kekurangan antara satu sama lain dan membantu dalam mengurangkan kesalahan dalam periwatan hadith melalui laman sesawang tersebut.

Lagi banyak teks yang dimasukkan, maka lagi banyak kemungkinan untuk terdedah kepada kesilapan dan kesalahan. Dengan usaha dan kerjasama dalam organisasi secara langsung maka kesilapan dan kesalahan akan dapat dikurangkan semanima yang mungkin.

### [6] *Interface Yang Mesra Pengguna*

Tujuan pembangunan *website* hadith adalah untuk memudahkan masyarakat mengakses hadith-hadith dengan mudah, sama ada mereka daripada golongan pengajar, pendengar ataupun orang biasa yang berkeinginan untuk mengetahui tentang hadith. Namun, sekiranya *interface* sesuatu *website* hadith susah untuk dikendalikan maka sesuatu *website* hadith itu lama-kelamaan akan ditinggalkan dan tidak digunakan. Hal ini kerana, tidak semua lapisan masyarakat mempunyai kecekapan yang sama dalam menggunakan sesuatu teknologi. Pembangunan web hadith mesti dibangunkan dengan menyeluruh, kerana sesuatu *website* yang canggih dan gempak pada aspek *interface* serta pengendalian tidak berguna sekiranya tidak diselaraskan dengan kandungan (*content*) yang baik. Begitu juga, sekiranya kandungan sesuatu *website* itu bagus tetapi *interface* sukar dikendalikan maka *website* tersebut masih belum mencapai tahap yang relevan.<sup>30</sup>

Dalam aspek ini, kreativiti adalah amat penting dalam menyajikan info dan maklumat yang akan dipaparkan. Kemahiran dalam membangunkan *website* yang canggih, kreatif, dan bersifat mesra pengguna adalah sangat dituntut supaya sesiapa sahaja yang melayari dapat memahami dan mengambil maklumat berkaitan dengan hadith lebih mudah dan cepat. Bagi mempercepatkan proses penyediaan laman web dengan *interface*

<sup>28</sup> Zulkipli, S. N., & Suliaman, I. H. (2015). *Autoriti hadis di Internet*, *ibid*.

<sup>29</sup> 'Abd Allah bin Yusuf al-Jadi', (2003), *Tahrir 'Ulum al-Hadith*, Beirut: Mu'assasah al-Rayyan li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi', 1:42.

<sup>30</sup> David A. Crowder, (2004), *Building a Web Site For Dummies*, Indianapolis: Wiley Publishing, 15.

yang baik dan terkini, dicadangkan supaya kerjasama dilakukan dengan pereka grafik dan pereka laman web yang berkepakaran dalam bidang ini. Kerjasama ini akan lebih menjadikan usaha yang hendak dilakukan dalam pembangunan laman web ini lebih berjaya dan bersifat laman web yang semasa dan terkini untuk manfaat bersama.

Antara contoh yang boleh dijadikan sebagai panduan dalam pembangunan laman web hadith adalah seperti yang telah disediakan dalam laman Islamweb.com.




Rajah 4.0: Paparan Pada Kolumn Mawsu`at

#### [7] Lampiran Bentuk *Shajarah Al-Asānid* (Pemetaan Sanad Hadith)

Paparan *Shajarah al-Asānid* (pemetaan sanad hadith) penting bagi sesebuah website hadith untuk menzahirkan keadaan sesuatu sanad hadith itu dari segi kebersambungan sanad. Kemudian, untuk mengenal pasti hal keadaan para perawi

(*transmitter*) sesuatu hadith sama ada bermasalah atau tidak. Perkara ini belum lagi dilakukan oleh mana-mana *website* hadith di Malaysia.

Namun, terdapat satu *website* dan aplikasi dari Indonesia yang telah melampirkan senarai sanad iaitu *Ensiklopedia Hadits Kitab 9 Imam*.<sup>31</sup> Laman web dan aplikasi ini sangat mudah untuk *diinstall* ke dalam sistem *windows*, *android* dan juga *ios*. Ensiklopedia ini turut menyediakan terjemahan hadith ke dalam bahasa Indonesia dan sanad lengkap serta kredibiliti seseorang perawi hadith. Hal ini memudahkan masyarakat untuk mengetahui tentang sesuatu status hadith dan terjemahan secara langsung. Walaupun begitu, *website* ini tidak melampirkan sanad dalam bentuk pemetaan. Boleh rujuk rajah di bawah:



Rajah 5.0: Aplikasi android Ensiklopedia Hadits Kitab 9 Imam<sup>32</sup>

Oleh itu, sekiranya dapat diwujudkan satu *website* hadith yang dapat melampirkan *Shajārah al-Asānid* dalam bentuk pemetaan maka sesuatu carta alir sanad itu akan lebih jelas menunjukkan sesuatu perpindahan hadith itu berlaku dari seorang perawi kepada seorang perawi yang lain.

### [8] Meletakkan Tema Kumpulan Hadith

Kemudian, bagi tujuan untuk memberi kemudahan kepada pelayar dan pembaca dari kalangan masyarakat awam juga, dicadangkan dalam menyediakan laman sesawang hadith dipastikan bahawa pembahagian hadith dalam bentuk tema-tema yang sesuai. Perletakan tema kumpulan hadith dapat memudahkan pengguna untuk mencari hadith sesuai dengan kehendak mereka. Malah, masa pencarian bagi sesuatu hadith dapat

<sup>31</sup> Lidwa Pusaka, “Ensiklopedia Hadits Kitab 9 Imam”, laman sesawang *Lidwa.com*, dicapai 24 Mei 2019, <http://store.lidwa.com/get/>.


<sup>32</sup> Sumber: Aplikasi android Ensiklopedia Hadits Kitab 9 Imam.

dipercepatkan. Perkara ini penting bagi pengguna yang menggunakannya bagi tujuan penyelidikan mahupun pengajaran.

Dalam perletakkan tema ini, boleh dilakukan dalam dua keadaan iaitu: [Pertama]: Mengikut tema-tema yang merujuk kepada pembahagian tajuk dan bab bagi setiap hadith yang telah dilakukan oleh para pengumpul hadith peringkat awal dalam karya hadith mereka seperti Imam al-Bukhari dalam *Sahih al-Bukhari*, Abu Dawud dalam kitab *Sunan Abi Dawud*, al-Hakim dalam *al-Mustadrak* dan sebagainya lagi. Dalam ertikata, hadith-hadith daripada karya tersebut disalin, disemak, diterjemah dan sebagainya sehingga dapat dimanfaatkan oleh semua pihak. [Kedua]: Mengumpulkan hadith daripada kitab-kitab matan (*Kutub al-Mutun*) dalam membahagikannya kepada tema-tema baharu yang sesuai mengikut keperluan yang berkaitan dengan tema yang diletakkan. Contohnya, pengkaji meletakkan tema kelebihan menuntut ilmu di bawah tajuk utama “Topik Ilmu”. Maka, semua hadith dalam *al-Kutub al-Sittah* sebagai contoh, diteliti, dikumpulkan, disaring sehingga dapat ditentukan hadith-hadith dalam tema yang sama dari pelbagai sumber kitab hadith. Dalam ertikata, apabila dirujuk kepada tema tersebut, pengkaji atau pelayar laman web tersebut secara terus akan mendapat maklumat yang sangat detail berkenaan hadith dari pelbagai sumber, mengetahui kepelbagaian dan perbezaan riwayat hadith, kepelbagaian sanad dan ragam matan teks hadith. Perkara ini secara tidak langsung membantu dalam memberi kefahaman yang tepat. Antara Apps yang menggunakan paparan hadith melalui tematik adalah DigitalHadith yang telah diusahakan oleh Ishak Hj. Sulaiman.<sup>33</sup>

---

<sup>33</sup> Menurut Shahril Nizam Zulkifli, “DigitalHadith” merupakan satu aplikasi telefon pintar yang memaparkan Hadith autentik berdasarkan tema tertentu dari aspek teks atau nas, terjemahan, visual sanad Hadith atau rangkaian perawi Hadith, keterangan fiqh Hadith serta teks-teks Hadith palsu yang terpilih. Sebagai satu permulaan bagi membina aplikasi baru Digital Hadith, maka tema atau topik “ilmu” telah dipilih sebagai topik pertama bagi pengisian data yang bersumberkan kepada kitab-kitab utama Hadith yang dikenali sebagai *al-Kutub al-Sittah*. Rujuk <https://ibnzulblog.wordpress.com/2019/02/19/apps-digital-hadith/>. Diakses pada 13 Ogos 2019.



Rajah 5.0: Aplikasi Digital Hadith di Google Apps Store.

### [9] Pembahagian Hadith Berdasarkan Kitab Jawi

Dalam konteks nusantara khususnya Malaysia, masyarakat banyak menggunakan kitab-kitab jawi lama ketika sesi pembelajaran dan pengajaran mereka di pondok, masjid dan institusi-institusi pengajian talaqqi moden. Kebanyakan kitab Jawi lama tersebut mengandungi hadith-hadith Nabi SAW. Maka, sekiranya ada pihak yang ingin mencari

rujukan hadith-hadith tersebut mereka boleh merujuk kepada laman sesawang hadith yang menyediakan takhrij dan sumber hadith berdasarkan kitab-kitab Jawi yang dikehendaki.

Kriteria ini adalah merupakan cadangan khusus dalam pembangunan laman web hadith yang memberi fokus sasaran kepada masyarakat Islam di Nusantara khususnya bagi mereka yang menggunakan karya-karya Jawi sebagai bahan pengajaran, rujukan dan sumber kepada ilmu pengetahuan berkaitan dengan Islam. Bahkan, pemakaian karya-karya Jawi ini masih digunakan sehingga kini sebagai teks tersebut. Pada masa yang sama, usaha meneliti hadith-hadith dalam karya-karya Jawi juga telah banyak dilakukan. Maka sewajarnya, data-data takhrij hadith dan semakan hadith yang telah diperoleh tersebut dapat dipaparkan bersama dengan laman sesawang tersebut.

Dalam penyelidikan yang sedang dijalankan, dicadangkan pembangunan *Digital Hadith Nusantara* atau *Ensiklopedia Hadith Nusantara*<sup>34</sup> yang mana hadith-hadith dipaparkan boleh dilakukan berdasarkan kepada nama-nama kitab Jawi yang sedia dengan fokus kepada hadith. Antara cadangannya adalah “Hadith Tasawuf Dalam *Hidayah al-Salikin*”, “Hadith Tasawuf Dalam *Penawar Bagi Hadith*”, dan “Hadith Fekah Dalam *Bughyah al-Tullab*”. Atau boleh juga dibahagikan terus berdasarkan tema yang menjadi asas dalam kitab-kitab Jawi seperti “*Hadith-Hadith Tasawuf*”, “*Hadith-Hadith Tauhid/Akidah*”, dan “*Hadith-Hadith Fekah*”. Hal ini kerana, karya-karya Jawi di Nusantara tida terlepas dalam tiga bidang utama ini.

Oleh yang demikian, pembahagian hadith berdasarkan kitab-kitab Jawi atau tema berdasarkan bidang, penting bagi memanfaatkan karya-karya ulama terdahulu di benua Nusantara. Dalam masa yang sama, *website* hadith tersebut dapat mengangkat keberadaan kitab-kitab jawi dalam arus perdana di Malaysia.

#### [10] Penyediaan Hadith-Hadith Alternatif Bagi Hadith Yang Palsu

Kebanyakan *website* hadith di Malaysia hanya memaparkan hadith-hadith palsu yang menjadi pengamalan dalam masyarakat Melayu. Namun, pengelola web sedia ada tidak langsung memberi jalan alternatif buat masyarakat dengan menyediakan hadith-hadith *maqbūl* yang boleh menggantikan hadith palsu tersebut. Hal ini kerana, terkadang amalan yang dilakukan itu benar cuma tidak disandarkan pada dalil yang tepat dan benar. Maka, dengan wujudnya penyediaan hadith-hadith alternatif, masyarakat tidak perlu berhenti daripada melakukan amalan tersebut dan masih lagi boleh mengamalkan amalan tersebut seperti sediakala.

Pada pandangan pengkaji, permasalahan utama yang membawa kepada tersebarnya hadith palsu dan masih dijadikan sebagai sumber amalana atau hujah adalah disebabkan masyarakat tidak dididik untuk mendapatkan alternatif kepada hadith-hadith

---

<sup>34</sup> Geran Penyelidikan Universiti Malaya (UMRG Programme) bernombor RP043B-17HNE dengan tajuk penyelidikan: “*Digitalisasi Dan Autentikasi Hadith Dalam Karya-karya Jawi Nusantara*”.

palsu tersebut. Keadaan ini membawa kepada kebergantungan masyarakat hanya kepada suatu sumber yang sedia ada terpapar atau apa sahaja yang mudah diperoleh melalui layar maya internet tersebut. Tidak dinafikan kekurangan ilmu pengetahuan tentang ilmu hadith dan hadith itu sendiri yang menyebabkan perkara ini berlaku. Tetapi sekiranya mereka dalam mencari maklumat berkaitan suatu amalan, lalu disajikan antara hadith palsu yang berkaitan, dan disertakan bersama hadith saih atau maqbul yang boleh dijadikan hujah, maka secara tidak langsung masyarakat akan lebih mudah faham dan dapat membuat penilaian yang sewajarnya. Alternatif ini sangat penting, bukan hanya bersikap menyalahkan sahaja, tetapi menyediakan ruang bagi mereka membetulkan kesalahan tersebut.

Sebagai contoh hadith yang masyhur berkaitan dengan kelebihan ibu dan bapa seperti:

الجَنَّةُ تَحْتَ أَفْدَامِ الْأُمَّهَاتِ

“Syurga itu di bawah tapak kaki para ibu”

Ibn Taimiyah berkata: Tiada bukti bahawa lafaz hadith ini daripada Rasulullah s.a.w, tetapi maknanya menunjukkan sifat hormat dan rendah diri kepada para ibu yang menjadi sebab untuk masuk syurga. Malah al-Dhahabi menyebut hadith ini di dalam *Mizan al-I'tidal* daripada Ibn 'Abbas secara marfu' iaitu susur galurnya sampai kepada Rasulullah s.a.w. tetapi dalam sanadnya terdapat Musa bin Muhammad bin 'Ata'. Terdapat pelbagai pandangan terhadap sanad ini.

1. Menurut Abu Zur'ah dan Abu Hatim mengatakan bahawa "Musa bin Muhammad bin 'Ata' adalah **pendusta**".
2. an-Nasa'I berkata: "Dia **tidak Thiqah**"
3. al-Daruqutni: Hadith ini **Matruk** (ditinggalkan hadithnya).

Sedangkan ada hadith yang sahih yang kuat dan boleh dijadikan hujah membenarkan tentang kelebihan ibu bapa seperti:

عَنْ مُعاوِيَةَ بْنِ جَاهِمَةَ، أَنَّ جَاهِمَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: إِنِّي أَرَدْتُ أَنْ أَغْزِيَ فَحِنْثَ أَسْتَشِيرُكَ. قَالَ: «أَلَكَ وَالدَّةُ؟» قَالَ: نَعَمْ، قَالَ: «إِذْهَبْ فَالْأَرْمَهَا، فَإِنَّ الْجَنَّةَ عِنْ رَجُلِهَا»

Terjemahannya: Mu'awiyah bin Jahimah telah menceritakan bahawa dia datang menemui Nabi Muhammad s.a.w lalu berkata: "Sesungguhnya aku ingin menyertai perang jihad, dan aku datang untuk meminta pendapat kamu." Lalu Nabi Muhammad s.a.w bertanya: "Adakah kamu masih mempunyai ibu?" Dia menjawab: "Ya". Rasulullah s.a.w bersabda:

*“...Pergilah dan berbaktilah kepada ibu kamu, kerana sesungguhnya syurga berada di bawah kedua kakinya”<sup>35</sup>*

Atau hadith lain yang turut dalam menunjukkan kelebihan ibu itu sendiri berbanding dengan bapa.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَنْ أَحَقُّ النَّاسِ بِخُسْنَ صَحَابَتِي؟ قَالَ: «أُمُّكَ» قَالَ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: «ثُمَّ أُمُّكَ» قَالَ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: «ثُمَّ أُمُّكَ» قَالَ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: «ثُمَّ أَبُوكَ»

Terjemahannya: Abu Hurairah berkata: “Datang seorang lelaki kepada Rasulullah s.a.w lalu bertanya: “Wahai Rasulullah, siapakah yang perlu aku berikan bakti yang lebih?.” Rasulullah menjawab: “Ibu kamu”. Lelaki itu bertanya lagi: “Kemudian siapa?” Rasulullah menjawab: “Ibu kamu” Lelaki itu bertanya lagi: “Kemudian siapa?” Rasulullah menjawab: “Ibu kamu” Lelaki itu bertanya lagi: “Kemudian siapa?” Rasulullah menjawab: “Bapa Kamu”<sup>36</sup>

Dalam ertikata bahawa dengan membawa hadith alternatif dalam isu ini boleh mendidik masyarakat untuk memahami hadith dan merujuk kepada sumber yang lebih sahih dan boleh dipercayai.

#### 4. KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan yang telah dikemukakan, kriteria dalam pembangunan *website* hadith dan *software* hadith sewajarnya diberikan perhatian yang serius bagi semua organisasi atau individu yang mahu membangunkan sesuatu laman sesawang atau perisian yang berkaitan dengan hadith. Tambahan lagi, jika laman sesawang atau perisian tersebut memfokuskan hadith sebagai subjek utama yang dipaparkan.

Perkembangan teknologi dunia telah memberi satu ruang baharu dalam penyebaran ilmu pada masa kini. Justeru itu, pembangunan *website* hadith perlu lebih giat dijalankan agar tidak ketinggalan dalam mengecapi arus kemajuan tersebut. Maka, pihak-pihak daripada badan berautoriti seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan NGO Islam perlu melakukan kerjasama dengan Fakulti Pengajian Islam dan Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat daripada IPTA dan IPTS di Malaysia. Perkara ini adalah untuk

<sup>35</sup> Hadith riwayat al-Hakim, Kitab al-Jihad, Bab Wa Amma Hadith 'Abd Allah bin Yazid al-Ansari, Hadith sahih menurut al-Hakim. Rujuk Abu 'Abdullah al-Hakim Muhammad bin 'Abdullah bin Muhammad, (t.t), *al-Mustadrak 'ala al-Sahihain*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, 2:114

<sup>36</sup> Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab al-Adab, Bab Man Ahaqq al-Nas bi Husn al-Suhbah, no.hadith 5971. Rujuk Muhammad 'Isma'il Abu 'Abd Allah al-Bukhari, (1422H), *Sahih Bukhari*, ed. Muhammad Zuhair bin Nasir al-Nasir, Beirut: Dar Tuq al-Najat, 8:2.

memastikan pembangunan *website* hadith di Malaysia terkawal dan mengikuti garis panduan yang tepat serta berkembang selari dengan ajaran Islam sebenar.

Kemudian, hasil penelitian juga mendapati bahawa pembangunan *website* hadith yang efektif dan kukuh mesti berlandaskan sepuluh kriteria utama yang telah dinyatakan di atas. Oleh itu, hasil kajian ini dapat dijadikan satu garis panduan khusus dalam proses pembangunan *website* hadith di Malaysia.

### **Penghargaan:**

Penghargaan kepada Universiti Malaya kerana artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan Universiti Malaya (UMRG Programme) bernombor RP043B-17HNE dengan tajuk penyelidikan: “*Digitalisasi Dan Autentikasi Hadith Dalam Karya-karya Jawi Nusantara*”.

### **RUJUKAN (REFERENCES)**

- [1] al-Jadi` , ‘Abd Allah bin Yusuf (2003), *Tahrir ‘Ulum al-Hadith*, Beirut: Mu’assasah al-Rayyan li al-Tiba`ah wa al-Nashr wa al-Tawzī` .
- [2] Ali Mustafa Yaqub, (2016), *Cara Benar Memahami Hadis*, terj. Mahfudh Hidayat Lukman, Jakarta: Pustaka Firdaus
- [3] Astiri Jamal (1997), *al-Tashrif wa Atharuhu fi al-Hadith wa al-Fiqh wa Juhud al-Muhaddithin fi Mukafahatih*, c.1, t.tp: Dar al-Tayyibah.
- [4] Al-Bukhari, Muhammad ’Isma‘il Abu ‘Abd Allah, (1422H), *Sahih Bukhari*, ed. Muhammad Zuhair bin Nasir al-Nasir, Beirut: Dar Tuq al-Najat.
- [5] David A. Crowder, (2004), *Building a Web Site For Dummies*, Indianapolis: Wiley Publishing
- [6] Fadlan Mohd Othman, (2018), *Praktikal Takhrij Hadis Via IT*, Bandar Baru Bangi, Selangor: Bayyinah Enterprise
- [7] Faisal Ahmad Shah (2017), *Kaedah Tepat Memahami Hadis*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press
- [8] Faisal Ahmad Shah, (2010), *Takhrij Hadith: Teknik Pencarian Hadith Yang Tepat dan Berkesan*, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM

- [9] Al-Hakim, Abu 'Abdullah al-Hakim Muhammad bin 'Abdullah bin Muhammad, (t.t), *al-Mustadrak 'ala al-Sahihain*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah
- [10] Institut Kajian Hadis (INHAD), "Hadis Puasa", laman sesawang *Institut Kajian Hadis (INHAD)*, dicapai 28 Mei 2019, <http://inhad.kuis.edu.my/category/hadis-puasa/>.
- [11] Ibn Kathir, Abū 1-Fidā' Ismā'īl ibn 'Umar ibn Kathīr (2003), *al-Ba,, ith al-Hathith Syarah Ikhtisar 'Ulum al-Hadith* ed. Ahmad Muhammad Syakir, cet.2, Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.
- [12] Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, "E-Hadith JAKIM", laman sesawang *Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, dicapai 28 Mei 2019, <http://www.islam.gov.my/e-hadith>
- [13] Laman sesawang Ansarul Hadith, diakses pada 28 Mei 2019, <http://ansarul-hadis.blogspot.com/search/label/Takhrij?max-results=10>
- [14] Laman sesawang Mutiara Hadis, diakses pada 28 Mei 2019, <https://sigir.uitm.edu.my/webhadis/>
- [15] Laman sesawang SemakHadis.Com, diakses pada 28 Mei 2019, <https://semakhadis.com/>
- [16] Mohamed Amin Embi, (2011), *Aplikasi Web 2.0 Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*, Bangi: Pusat Pembangunan Akademik, UKM
- [17] Mohd Shah Che Ahmad, "Hadis saih semudah ABC", laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 24 Mei 2019, <http://www.utusan.com.my/mega/agama/hadis-sahih-semudah-abc-1.217533>.
- [18] Muhammad al-Fatih, "Carian Hadis", laman sesawang *SemakHadis.com*, dicapai 24 Mei 2019, <https://semakhadis.com/browse/>.
- [19] Muhammad al-Fatih, "Home Twitter SemakHadis.Com", laman sesawang *Twitter SemakHadis.Com*, dicapai 28 Mei 2019, <https://twitter.com/semakhadis>.
- [20] Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, "Irsyad al-Hadith", laman sesawang *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*, dicapai pada 28 Mei 2019, <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith>.

- [21] Projek MyMasjid, “al-Hadith”, laman sesawang *Projek MyMasjid*, dicapai 24 Mei 2019, <http://www.mymasjid.net.my/#>.
- [22] Al-Tirmidhī, Muhammad bin ‘Isā bin Sawrah, (1975), *Sunan al-Tirmidhī*, ed. Aḥmad Shākir (Miṣr: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī).
- [23] Universiti Teknologi MARA (UiTM), “Mutiara Hadis”, laman sesawang *Mutiara Hadis*, dicapai 24 Mei 2019, <http://sigir.uitm.edu.my/webhadis/>.
- [24] Zulkipli, S. N., & Suliaman, I. H. (2015). *Autoriti hadis di Internet*. cet. ke-2, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.